

TARIKH : 10/1/2023

SURAT KHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT :

Sistem digital selesaikan isu pekerja asing

JAKARTA - Masalah berkaitan pengambilan pekerja Indonesia ke Malaysia dijangka selesai sekiranya kedua-dua negara mengubah sistem sedia ada ke arah pendigitalan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau sedia maklum mengenai isu tersebut dan memberi jaminan akan menyelesaikannya.

Menurutnya, langkah pertama adalah melaksanakan sistem digital sekali gus dapat menyelaraskan beberapa perkara seperti dokumen dan bayaran.

"Saya pasti ia boleh diselesaikan. Pertama sistem pemilihan itu harus dipertingkatkan kerana ada ejen memunggang kekayaan dengan mengenakan kos yang tinggi.

"Perubahan sistem harus berubah di Malaysia, Indonesia dan juga Bangladesh.

"Carilah bisnes lain, bukan perniagaan manusia. Bila buat



Anwar sewaktu sesi syarahan umum bertajuk Hubungan Strategik Malaysia-Indonesia di Jakarta pada Isnin.

pendigitalan, pekerja tidak perlu bayar ejen terlalu tinggi," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan penonton selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Hubungan Strategik Malaysia-Indonesia' sempena lawatan rasmi ke re-

publik itu pada Isnin.

Tambah Anwar, penyelesaian kepada permasalahan tersebut akan dimuktamadkan apabila Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) berkunjung ke Malaysia yang dijangka pada pertengahan tahun ini.

10/1/23
sinar